



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARIINI**

**26 Jun 2023
07 Zulhijjah 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• 'Ikan rakyat' naik di Pulau Pinang, Negeri Sembilan... Kelantan turun
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Pelepasan air loji nuklear boleh jejas ekosistem marin
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">• Marine refuge
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	<input checked="" type="checkbox"/>	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY	TARIKH
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI	
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL
					10 26/6/2023

'Ikan rakyat' naik di Pulau Pinang, Negeri Sembilan... Kelantan turun

Oleh BADRUL HAFIZAN MAT
ISA, SAFINA RAMLI, ROSLIZAH
MOHAMED, TENGKU DANISH
BAHRI TENGKU YUSOFF dan
ROHANA ISMAIL
utusantnews@mediamulia.com.my

BALIK PULAU: Harga ikan rakyat terutama kembung di negeri ini naik mendadak sejak seminggu lalu dipengaruhi hasil tangkapan yang rendah berikutan nelayan tidak dapat ke laut gara-gara cuaca tidak menentu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, purata kenaikan harga ikan naik antara RM2 hingga RM4 sekilogram (kg).

Jenis ikan yang mengalami kenaikan harga adalah ikan kembung (besar) daripada RM12 kepada RM14 per kg; ikan kembung (kecil) daripada RM6 kepada RM8 per kg; ikan selayang (RM10 ke RM12 per kg), ikan tongkol (RM10 kepada RM12 per kg); ikan kerisi (RM10 kepada RM12 per kg) dan ikan selar (RM20 kepada RM24 per kg).

Seorang peniaga, Lai Huat Ling, 60, berkata, harga ikan kembung meningkat kerana bekalan ikan itu kurang di pasar dan manakala permintaan ikan berkenaan pula tinggi.

"Berbanding minggu lalu, minggu ini, cuaca tidak menentu dengan keadaan hujan dan angin kuat sehingga menyebabkan nelayan tidak dapat turun lau."

"Kenaikan harga ikan kembung adalah antara RM2 berbanding minggu lalu, minggu ini harga ikan kembung (besar) naik daripada RM12 kepada RM14 per kg; ikan kembung (kecil) naik daripada RM6 kepada RM8 per kg," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, pelanggan di daerah ini juga tidak gemar membeli ikan sejuk beku dan memilih untuk mendapatkan ikan segar daripada peniaga.

Seorang nelayan di kawasan pulau Betong, Arshad Omar berkata, selain faktor cuaca, tangkapan ikan kembung pada masa ini sangat berkurangan kerana anak-anak ikan yang belum matang tetap menjadi buuan nelayan yang tamak.

PENIAGA TIADA PILIHAN

Di Seremban harga ikan mabung dan selar meningkat RM1 sehingga RM2 bagi setiap kilogram.

Peniaga di Pasar Ampangan di sini, Hafiz, 34, turut memak-



PELANGGAN membeli ikan di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY

lumkan akan berlaku sedikit peningkatan harga ketika imbas musim perayaan.

Tambahnya, berbanding harga kira-kira sebulan lepas memang terdapat peningkatan dan ia juga dikaitkan dengan permainan harga di peringkat peraih.

"Rata-rata peniaga di sini mendapat bekalan ikan dari Pasar Besar Seremban dan mereka pula mendapatkan sekali sekala dari Pasar Selayang. Kami tahu harga ikan di jeti tidak naik, cuma apabila sampai di peringkat peraih dan orang tengah, ia sudah meningkat."

Seperi ikan mabung hari ini kami menjual sekitar RM26 bagi sekilogram kerana kami dapat dari pembekal juga sekitar RM22 sekilogram.

Apabila tiba musim perayaan memang kami dapat terdapat sedikit peningkatan harga," katanya.

Tinjauan di pasar tersebut mendapati ikan selar dan ikan mabung dijual RM24 sehingga RM26 sekilogram.

Di Pasar Besar Seremban pula kedua-dua jenis ikan itu dijual pada harga lebih rendah iaitu sekitar RM14 sehingga RM15 sehingga RM18 sekilogram.

Seorang peniaga, Chong, 51, memberitahu harga ikan yang dijual sememangnya tidak me-

nantu dan ia banyak bergantung kepada hasil tangkapan.

"Jika mahu katakan berlaku peningkatan harga ikan, susah untuk dijangkakan kerana ia tidak menentu. Sekiranya kurangnya hasil tangkapan memang harga akan tinggi sedikit," katanya lagi.

KELANTAN CATAT PENURUNAN HARGA

Bagaumannya di Pasar Siti Khajidah, Kota Bharu dan Pasar Tasek Raja, Pasir Mas, Kelantan harga ikan turun RM2 hingga RM5 mengikut gred tertentu selepas mengalami kejadian sejak beberapa minggu lalu.

Di Pasar Siti Khajidah ikan pelaling dijual RM10 sekilogram (s/kg) berbanding minggu lepas RM12 per kg harga manakaikan kembung RM12 hingga RM20 per kg mengikut gred berbanding sebelum ini RM25 per kg.

Ikan selar dijual RM12 hingga RM16 per kg berbanding sebelum ini RM25 per kg, ikan selayang RM8 hingga RM10 per kg berbanding sebelum ini RM12 hingga RM16 per kg.

Di Pasar Besar Bandar Tasek Raja harga ikan selayang, cencaru, tongkol dan kembung turun RM4 hingga RM2 kepada RM8 hingga RM12 per kg.

Bercakap kepada *Utusan*

Malaysia, peniaga di Pasar Siti Khajidah, Mohd. Junaidi Mat Nawi 36, berkata, ketika ini bekalan bahan mentah itu mudah diperoleh berbanding dua minggu lalu.

"Harga pula tidak mahal dan saya memperoleh bekalan itu daripada pemborong di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong," katanya.

Seorang lagi peniaga, Jafar Abdul Rahman, 63, berkata, walaupun bekalan ikan sudah pulih, namun pelanggan kurang membeli pada hari biasa kecuali hujung minggu.

"Mungkin disebabkan harga ikan yang tidak stabil menyebabkan kalangan pelanggan memilih untuk membeli ayam," ujarnya.

Sementara itu di Pasar Tasek Raja Pasir Mas, harga ikan yang mencecah RM16 per kg dua bulan lalu turun sehingga RM4 akibat lambakan sejak minggu lalu.

Seorang peniaga ikan, Aswad Fauzi, 29, memberitahu, harga ikan sudah kembali stabil selepas mengalami kenaikan pada minggu lalu.

Katanya, peningkatan itu berlaku susulan bulan cerah yang menyebabkan bekalan menjadi kurang.

"Saya tidak menolak kemungkinan ikan akan mengalami kenaikan menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha, Khamis ini,"

LAMBAKAN IKAN PENGARUHI HARGA TURUN DI TERENGGANU

Di Kuala Terengganu lambakan bekalan menyebabkan harga beberapa jenis ikan di pasar basah di daerah ini turun RM1 sehingga RM4 per kg.

Di Pasar Chabang Tiga di sini ikan selayang, kembong, cencaru, tongkol dan pelaling dijual lebih rendah berbanding kebiasaan.

Seorang peniaga, Hamzah Mat Ali, 62, berkata, kekerapan nelayan tempatan turun ke laut dengan hasil yang banyak mendorong kejatuhan harga sumber protein berkenaan.

"Antaranya ikan selayang yang sebelum ini dijual pada harga RM14 sekilogram kini sudah turun RM2 kepada RM12. Malah ada peniaga yang mengalami harga serendah RM10 sekilogram.

"Begitu juga ikan cencaru yang sebelum ini dijual pada harga RM14 sekilogram kini sudah turun RM2 kepada RM12 sekilogram dan pelaling RM12 sekilogram.

Seorang lagi peniaga, Azmi Mohamad, 58, kesemuanya bekalan ikan diperoleh daripada nelayan di negeri itu membolehkan hasil laut itu dijual pada paras harga yang stabil dan normal.

"Namun, berdasarkan pengalamannya, harga ikan mungkin naik sedikit satu atau dua hari sebelum Aidiladha kerana faktor pengangkutan sebelum kembali memurni seminggu kehadiran," ujarnya.

Peniaga, Nurul Ainsha Hamzah, 26, puas berikata, harga hanya akan mula melambung tinggi sekiranya berlaku bekalan 'terputus' sehingga peniaga terpaksa mendapatkan ikan dari negeri lain.

"Biasanya apabila situasi itu berlaku, harga ikan akan naik mendadak kerana kami membeli dari pembekal di Kelantan atau Johor dan terpaksa memanggung kos pengangkutan lor.".

"Memandangkan sekarang musim bulan gelap, ramai nelayan Terengganu menangkap ikan dengan menghabiskan masa lebih seminggu di tengah laut dengan hasil lumayan," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	
					23	26/6/2023

Pelepasan air loji nuklear boleh jejas ekosistem marin

Tindakan Jepun perlu diperhalusi, bimbang sisa radioaktif hanyut hingga ke perairan negara

Kuala Terengganu: Tindakan Jepun melepaskan lebih satu juta tan air terawat daripada loji nuklear Fukushima ke dalam laut dikhuatir menjejaskan khasanah ekosistem marin dunia.

Koordinator projek Ocean Hope, Dr Maizah Abdullah, berkata tindakan itu perlu diperhalusi oleh semua pihak kerana kesan tindakan itu hanya dapat dilihat oleh generasi akan datang.

Maizah yang juga pensyarah di Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Universiti Malaysia Terengganu (INOS UMT) berkata, biarpun pelepasan sisa air itu berlaku di Jepun, namun belum tidak menolak kemungkinan sisa nuklear itu boleh hanyut hingga ke perairan negara.

"Pergerakan aliran arus lautan tiada hadnya. Ia ditambah pula dengan hidupan marin yang sentiasa berhijrah, jadi apa sahaja haiwan yang terjejas ataupun berisiko dengan sisa radioaktif ini sudah pasti boleh sampai ke perairan kita sekali gus berkemungkinan mencemari rantau makanan hidupan laut dan menjaskan kesihatan manusia," katanya kepada BERNAMA, baru-baru ini.

Beliau menambah, semua pihak harus memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian laut terus terjamin.

"Ruang perbincangan wajar dibuka dengan lebih menyeluruh dan bersifat inklusif yang bukan hanya membabitkan saintis atau ahli akademik, bahkan masyarakat awam juga perlu dilibatkan untuk melihat risiko dan kesan aktiviti ini khususnya kepada negara serantau."

"Lautan tidak harus dilihat sebagai laman belakang yang menjadi tempat aliran sisa kita semata-mata, tetapi lautan adalah masa depan kita semua," katanya.

Air terawat untuk domestik

Dalam pada itu, beliau berkata meskipun teknologi nuklear ini bukannya 100 peratus mendatangkan kesan buruk, sebagai contoh aplikasi isotop stabil jika digunakan dengan betul mampu memberi manfaat kepada masyarakat dan hidupan marin.

"Tetapi dalam isu membabitkan air terawat daripada loji nuklear

lear Fukushima inti jika benar ia selamat, kerajaan Jepun boleh menebus guna air terawat ini bagi tujuan penggunaan domestik, perindustrian dan sebagainya.

"Langkah ini sangat perlu bagi mengubah persepsi masyarakat dunia dengan membuktikan tiada kesan langsung kepada kesihatan manusia dan rantau makanan di dalam laut," katanya.

Meskipun menerima pelbagai tekanan pada awal bulan ini, Jepun tetap meneruskan rancangannya untuk menyalurkan air sisa radioaktif terawat ke laut melalui terowong saliran Loji Kuasa Nuklear Fukushima Daichi, iaitu stesen jauhkuasa tenaga nuklear yang terjejas akibat gempa bumi Tohoku dan tsunami yang menyusul dalam kajadian pada 11 Mac 2011.

Jepun melancarkan rancangan pelepasan air pada April 2021, mencetuskan kritikan besar-besaran daripada China, Korea Selatan, Korea Utara, Taiwan dan badan antarabangsa, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

BERNAMA



Pelepasan air sisa dari loji nuklear Fukushima, Jepun dikhuatir mencemari rantau makanan hidupan laut.
(Foto BERNAMA)

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	✓	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF		NEUTRAL		12 26/6/2023



Marine refuge

One of 12 artificial reefs (tukun tiruan) being deployed by the Terengganu Fisheries Department into the waters off Pulau Kapas, Marang, as part of the Juvenile Trawl Barrier Anchoring Program (Conservation). The move will benefit a total of 8,635 fishermen in the state by enriching Terengganu's fishing resources. — Bernama